

D343

R 8887 DEB
MT - KOON SWAN

KUALA LUMPUR, 28 OGOS (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI UMNO YANG BERMESYUARAT MALAM TADI MENERIMA HAKIKAT BAHAWA PRESIDEN MCA ENCIK TAN KOON SWAN YANG DIPENJARA ATAS KESALAHAN BERSUBAHAT PECAH AMANAH DI SINGAPURA MABIH MENJADI ANGGOTA PARLIMEN BERDASARKAN UNDANG-UNDANG NEGARA INI.

BAGAIMANAPUN, PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BAHAWA TERPULANGLAH KEPADA MCA UNTUK MEMBUAT KEPUTUSKAN MENGENAI KEDUDUKAN ENCIK TAN SEBAGAI WAKIL RAKYAT.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MT SELAMA TIGA SETENGAH JAM DI SRI PERDANA DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU PADA PRINSIPNYA TIDAK MEMPUNYAI KUASA UNTUK MEMAKSA ENCIK TAN MELETAK JAWATANNYA SEBAGAI WAKIL RAKYAT.

+SAYA HANYA BERKUASA MENENTUKAN YANG ENCIK TAN TIDAK AKAN DILANTIK SEBAGAI MENTERI (JIKA DIA TERUS MENJADI WAKIL RAKYAT),+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA KINI TERPULANGLAH KEPADA MCA UNTUK MENENTUKAN SIAPAKAH DARIPADA KALANGAN ANGGOTA PARLIMENNYA YANG AKAN DICADANGKAN UNTUK MENJADI MENTERI.

SEMALAM, SETIAUSAHA AGUNG MCA DATUK LEE KIM SAI MENGUMUMKAN BAHAWA ENCIK TAN TELAH MELETAK JAWATANNYA SEBAGAI PRESIDEN PARTI. -- LAGI

0139MST 28 08 86

D344

R 8888 DEB
MT - KOON SWAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU MEMANG MENGKHASKAN SATU LAGI JAWATAN DALAM KABINET KEPADA MCA YANG SEHINGGA KINI MASIH BELUM DIISI.

KETIKA MENGUMUMKAN SUSUNAN BARU BARISAN KABINET PADA 11 OGOS, PERDANA MENTERI BERKATA KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN DIPEGANG SEMENTARA OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA.

SEBELUM PILIHAN RAYA UMUM PADA 2 DAN 3 OGOS, KEMENTERIAN ITU DIPEGANG OLEH NAIB PRESIDEN MCA DATUK CHAN SIANG SUN, YANG KINI MENTERI KESIHATAN.

+TERPULANGLAH KEPADA MCA UNTUK MENCALONKAN MANA-MANA ANGGOTA PARLIMENNYA YANG LAIN UNTUK MENGISI JAWATAN ITU, PIHAK SAYA SEDIA KENIMBANGKANNYA,+ TAMBAHNYA.

DITANYA SAMA ADA BELIAU TELAH PUN DIBERITAHU SECARA RASMI TENTANG PERLETAKAN JAWATAN ENCIK TAN SEBAGAI PRESIDEN MCA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +TIDAK+, SEBALIKNYA MENGETAHUI TENTANG BERITA ITU DARIPADA SUMBER LAIN MALAM INI. -- LAGI

0141MST 28 08 86

0345

R B889 DEB
MT - KOON SWAN 3 KUALA LUMPUR

DITANYA LAGI SIAPAKAH YANG BAKAL DILANTIK SEBAGAI PEMANGKU PRESIDEN MCA, BELIAU MENEGASKAN PERKARA ITU TERPULANG KEPADA MCA SENDIRI UNTUK MENENTUKAN.

ENCIK TAN, YANG TERPILIH SEBAGAI PRESIDEN MCA PADA NOVEMBER TAHUN LALU EPAS DAN MEMENANGI KERUSI PARLIMEN GOPENG PADA PILIHAN RAYA UMUM LEPAS, DIJATUHI HUKUMAN PENJARA DUA TAHUN SERTA DENDA \$500,000 ATAU DIPENJARA ENAM BULAN OLEH MAHKAMAH TINGGI SINGAPURA ATAS KESALAHAN BERSUBAHAT PECAH AMANAH BERKENAAN, YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEGAGALAN SYARIKAT PAN-ELECTRIC INDUSTRIES DI REPUBLIK ITU.

MENGENAI TUNTUTAN SEMULA SABAH KE ATAS WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN SEBAGAIMANA YANG DIPUTUSKAN PADA PERHIMPUNAN AGUNG PARTI BERSATU SABAH YANG MEMERINTAH NEGERI ITU BARU-BARU INI, DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA BAGI UMNO ISU ITU SUDAH SELESAI.

KEPUTUSAN ITU, MENURUT BEBERAPA ORANG ANGGOTA MT, DENGAN JELAS MEMBERITAHU PBS BAHAWA TUNTUTAN MEREKA TIDAK AKAN DILAYANI. --
BERNAMA

0143MST 28 08 86